

**Badan hak asasi gesa Najib tangguh bahas RUU Perhimpunan Aman**  
**The Malaysian Insider**  
**24 November , 2011**  
**Oleh G. Manimaran**

KUALA LUMPUR, 24 Nov — Pertubuhan-pertubuhan hak asasi manusia menggesa pentadbiran Najib menangguhkan perbahasan ke atas Rang Undang-undang Perhimpunan Aman 2011, yang dijangka bermula petang ini, bagi mengambil kira pandangan pelbagai pihak yang lahir sejak kelmarin.

Suhakam dan Persatuan Hak Asasi Manusia (Proham) berkata meskipun undang-undang baru itu menyediakan ruang untuk mengadakan perhimpunan, menggantikan Seksyen 27 Akta Polis dan mempunyai tujuan yang baik, tetapi mengenakan terlalu banyak syarat dan meletakkan kuasa mutlak di tangan polis dan Menteri Dalam Negeri.

“Oleh itu, Suruhanjaya (Suhakam) meminta kerajaan mempertimbangkan syor-syor yang dibuat oleh pelbagai pihak dan membuka ruang kepada perbincangan dan huraian awam mengenai kebebasan berhimpun sebelum menggubal Rang Undang-undang Perhimpunan Aman sebagai satu akta bagi memastikan peruntukan disediakan selari dengan prinsip hak asasi manusia,” kata Suhakam dalam satu kenyataan.

Rang Undang-undang ini dibacakan buat kali pertama di Dewan Rakyat kelmarin. Ia dijangka dibahaskan mulai petang ini.

Semalam, kepimpinan Pakatan Rakyat juga mendesak agar undang-undang baru ini ditarik balik daripada dibahaskan. Ia dijangka mengemukakan satu memorandum kepada Suhakam hari ini.

Rang undang-undang ini yang dikatakan selari dengan pembaharuan politik, dijanjikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak, mendapat reaksi berbeza dengan ramai berpandangan bahawa ia sebenarnya mengehadkan kebebasan mengadakan protes jalanan dan perhimpunan aman dengan pelbagai syarat termasuk kewujudan kawasan larangan dan notis awal kepada pihak polis iaitu 30 hari sebelum perhimpunan yang hendak diadakan.

Suhakam juga berkata, pengumuman mengenai pemansuhan Seksyen 27, 27A, 27B dan 27C Akta Polis dialu-alukan kerana ia mengiktiraf semangat dan menghormati hak asasi manusia.

“Bagaimanapun rang undang-undang ini mengenakan terlalu banyak halangan dan syarat ke atas publik berbanding menyediakan kebebasan untuk berhimpun.

“Sementara mengiktiraf bahawa keamanan dan kestabilan adalah penting dan ketenteraman awam perlu dipertahankan sepanjang masa, suruhanjaya berpandangan bahawa perhimpunan-perhimpunan aman menyediakan ruang bagi publik untuk meluahkan pandangan mengenai isu-isu menjadi perhatian mereka,” katanya lagi.

Dalam pada itu, Proham mengesyorkan agar kerajaan persekutuan melewati bacaan kali kedua rang undang-undang ini dan menyerahkan kepada jawatankuasa pilihan khas Parlimen untuk meneliti dengan mengadakan perbincangan mendalam dengan ahli-ahli Parlimen, Suhakam dan pertubuhan-pertubuhan sivil.

“Proham amat merasakan bahawa pada waktu ini, kita harus membina tradisi demokratik

dengan membina konsensus di kedua-dua pihak dalam Parlimen dan majoriti rakyat Malaysia.

"Tindakan tergesa-gesa menyediakan rang undang-undang ini boleh dianggap sebagai sesuatu yang tidak perlu, yang tidak akan memenuhi kepentingan negara dan rakyat kita," katanya lagi.

Sehubungan itu kata Proham, pihaknya merayu kepada kerajaan pusat agar mempertimbangkan cadangan merujuknya kepada jawatankuasa pilihan khas dan mengadakan perundingan secara mendalam lagi menyeluruh.

Pendirian yang sama dilahirkan oleh Persatuan Kesedaran Komuniti Selangor (Empower) yang menentang keras rang undang-undang tersebut atas alasan ia bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan.

"Empower mendesak agar rang undang-undang ini ditarik balik dengan segera dan secara total," kata Pengarah Eksekutifnya Maria Chin Abdullah.

Maria Chin berkata pihaknya sangat kecewa kerana kerajaan yang memerintah menganggap bahawa suara rakyat dan penegasan berkenaan hak mereka sebagai satu ancaman berbanding melihatnya sebagai sumber membina hak asasi dan demokrasi.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/badan-hak-asasi-gesa-najib-ta-ngguh-bahas-ruu-perhimpunan-aman/>